



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو الْكَلْبَانِي
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN ALUAN MAJLIS PERJUMPAAN STAF DAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
YANG BERUSAHA
PROF MADYA IR. DR. AHMAD RASHIDY RAZALI
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

SEMPENA
LAWATAN KERJA
YBHG. PROF. DATUK Ts. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KE UiTM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM
DI
PTAR, PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK,
UiTM CPP KAMPUS BERTAM

PADA

15 NOVEMBER 2022 / 16 RABIULAKHIR 1444H (RABU)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Perjumpaan Staf dan Majlis Perwakilan Pelajar sempena Lawatan kerja Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan pengurusan kanan dan semua warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, khususnya di Kampus Bertam yang telah menyediakan

persiapan bagi menyambut kedatangan Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.

3. Alhamdulillah, pada sebelah pagi hari ini, Ybhg. Prof. Datuk Naib Canselor telah mendengar pembentangan dari pihak pengurusan kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya Kampus Bertam mengenai pembelian peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P), ubahsuai makmal bagi Pusat Pengajian Fakulti Sains Kesihatan, cadangan membina gelanggang sukan 3 dalam 1 @ multipurpose court berbumbung, cadangan penambahan ruang di Unit Kesihatan, serta penjana pendapatan Kampus Bertam.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

4. Lawatan Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam pada hari ini juga telah melakar sejarah dengan tiga (3) tempat perasmian iaitu perasmian Bakul Makanan Kampus Bertam, perasmian Kebun Mini serta perasmian Stor Sisa Bahan Kimia dan Klinikal.
5. Di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Ybhg. Prof. Datuk Naib Canselor dalam merasmikan ketiga-tiga tempat tersebut serta lawatan di tapak projek baja kompos, Kampus Bertam pada sebelah pagi hari ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

6. Pada sesi petang ini pula, kita akan mendengar ucapan dari Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA kepada semua warga UiTM dan seterusnya melakukan lawatan ke blok akademik dan makmal di Kampus Bertam. Sesi soal jawab akan diadakan di penghujung ucapan Ybhg. Prof. Datuk Naib Canselor bagi sebarang persoalan.

7. Mudah mudahan dengan lawatan kerja Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA di UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam ini akan memberikan harapan bagi warga UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam untuk memiliki kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk memperkasa agenda transformasi UiTM untuk menjadi institusi bertaraf global.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

8. Bagi memberi laluan kepada ucapan Ybhg. Prof. Datuk Naib Canselor, saya akhiri ucapan saya pada kali ini dengan
Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.